

## KEPERLUAN KHAS BAGI ORANG KURANG UPAYA DALAM PROSIDING KES-KES SYARIAH: KAJIAN AWAL TERHADAP ARAHAN AMALAN MAHKAMAH SYARIAH

ZANARIAH DIMON  
NAWAL SHOLEHUDDIN,  
AZIZAH MOHD RAPINI  
NORA'INAN BAHARI

Fakulti Syariah dan Undang-undang  
Universiti Islam Selangor (UIS)

[zanariah@uis.edu.my](mailto:zanariah@uis.edu.my), [nawal@uis.edu.my](mailto:nawal@uis.edu.my), [azizah@uis.edu.my](mailto:azizah@uis.edu.my), [nora'inan@uis.edu.my](mailto:nora'inan@uis.edu.my)

### ABSTRAK

*Keperluan khas orang kurang upaya (OKU) dalam prosiding mahkamah merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian khusus. Mahkamah Syariah di Malaysia berfungsi sebagai institusi yang memutuskan pelbagai isu perundangan berkaitan dengan hal ehwal Islam. Semua pihak yang beragama Islam mempunyai hak yang sama rata untuk mengemukakan sebarang tuntutan atau pendakwaan bagi kes-kes mal atau jenayah syariah. Golongan OKU juga tidak terkecuali dari berhadapan dengan isu-isu kekeluargaan atau jenayah syariah yang memerlukan mereka menjalani prosiding di Mahkamah Syariah. Walaupun bagaimanapun, dalam konteks sistem kehakiman, penglibatan OKU seringkali menghadapi pelbagai cabaran termasuk kekurangan aksesibiliti dan kemudahan mesra OKU, yang boleh menjelaskan hak mereka untuk mendapatkan keadilan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan OKU tidak terpinggir dan mempunyai akses yang sama kepada keadilan. Kajian awal ini meneliti keperluan khas bagi orang kurang upaya (OKU) dalam prosiding kes-kes syariah di Malaysia, dengan fokus terhadap Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti Arahan Amalan yang sedia ada di Mahkamah Syariah negeri-negeri berkaitan dengan keperluan khas OKU dan memberikan cadangan penambahbaikan bagi memastikan keperluan khas OKU dipenuhi dengan lebih efektif dalam prosiding Mahkamah Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui analisis dokumen meliputi dokumen-dokumen Arahan Amalan Mahkamah Syariah di pelbagai negeri, artikel-artikel jurnal, peruntukan statut dan sebagainya. Data dianalisis secara analisis kandungan. Hasil kajian awal menunjukkan bahawa terdapat usaha yang signifikan dari Mahkamah Syariah negeri-negeri untuk memenuhi keperluan khas OKU dalam prosiding di Mahkamah Syariah. Namun, terdapat beberapa kekurangan yang perlu ditangani. Penambahbaikan dalam aspek latihan, kesedaran dan infrastruktur adalah perlu untuk memastikan OKU mendapat akses yang adil dan setara dalam prosiding Mahkamah Syariah. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan Arahan Amalan Mahkamah Syariah khusus bagi OKU adalah untuk memastikan keperluan khas OKU dipenuhi dengan lebih berkesan dalam mencapai keadilan di Mahkamah Syariah.*

*Kata kunci:* Orang Kurang Upaya (OKU), prosiding kes syariah, Mahkamah Syariah, Arahan Amalan, keperluan khas

### PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan kesedaran hak asasi manusia yang semakin meningkat, keperluan khas bagi Orang Kurang Upaya (OKU) mendapat perhatian serius dalam pelbagai bidang, termasuk dalam sistem perundangan. Mahkamah Syariah, sebagai institusi yang melaksanakan undang-undang Islam di Malaysia, turut memikul tanggungjawab untuk memastikan keadilan

dapat dicapai oleh setiap individu tanpa mengira kekurangan fizikal atau mental. Prosiding kes-kes syariah melibatkan aspek-aspek kritikal seperti perkahwinan, perceraian, kesalahan syariah dan pewarisan yang memerlukan penyertaan aktif dari semua pihak termasuk OKU. Oleh itu, kajian awal terhadap Arahan Amalan Mahkamah Syariah berkaitan dengan keperluan khas bagi OKU adalah prosiding kes-kes syariah meliputi mal dan jenayah adalah penting untuk mengenal pasti hak dan keperluan golongan ini terpelihara dalam mendapatkan keadilan di Mahkamah Syariah.

Arahan Amalan Mahkamah Syariah berfungsi sebagai garis panduan operasional untuk memastikan prosiding berjalan dengan lancar dan adil. Namun, persoalan timbul tentang sejauh mana arahan-arahan ini mengambil kira keperluan khas OKU dalam prosiding di Mahkamah Syariah, termasuk aksesibiliti fizikal, kemudahan komunikasi, dan sokongan psikososial. Kajian ini bertujuan untuk mengupas dan mengenal pasti Arahan Amalan yang sedia ada serta mengenal pasti jurang yang wujud dalam pelaksanaannya di peringkat negeri-negeri. Dengan menganalisis Arahan Amalan ini, kajian akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai cabaran yang dihadapi oleh OKU dalam mendapatkan keadilan di Mahkamah Syariah dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang diperlukan untuk memastikan hak mereka dilindungi sepenuhnya.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Dalam sistem perundangan Islam di Malaysia, Mahkamah Syariah memainkan peranan penting dalam menangani pelbagai isu kekeluargaan dan pewarisan yang berkaitan dengan umat Islam. Namun, satu aspek kritikal yang sering terlepas pandang ialah keperluan khas bagi Orang Kurang Upaya (OKU) dalam prosiding kes-kes Syariah. Keperluan khas ini meliputi aksesibiliti fizikal, kemudahan komunikasi, dan sokongan psikososial yang diperlukan untuk memastikan bahawa OKU dapat mengambil bahagian secara penuh dan adil dalam proses perundangan. Tanpa perhatian yang mencukupi terhadap keperluan ini, OKU mungkin menghadapi diskriminasi dan ketidakadilan yang serius, yang bertentangan dengan prinsip keadilan Islam dan hak asasi manusia. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana Arahan Amalan Mahkamah Syariah di Malaysia menyokong dan melindungi hak-hak OKU dalam prosiding perundangan.

Permasalahan utama yang dihadapi ialah kurangnya kesedaran dan pemahaman di kalangan pegawai mahkamah tentang hak dan keperluan khas OKU. Banyak pegawai mungkin tidak mempunyai latihan yang mencukupi untuk menangani situasi yang melibatkan OKU, menyebabkan kelemahan dalam pelaksanaan Arahan Amalan yang ada. Menurut Kajian oleh Asnorhidayah Ahmad dan Nor Hidayah Ibrahim (2018), pegawai-pegawai mahkamah sering kekurangan pengetahuan tentang cara terbaik untuk membantu OKU, yang menyebabkan mereka gagal menyediakan kemudahan yang diperlukan. Kesedaran dan pendidikan yang lebih mendalam diperlukan untuk memastikan pegawai mahkamah dapat memberikan perkhidmatan yang lebih inklusif dan adil.

Selain itu, terdapat juga kekurangan dalam kemudahan fizikal dan teknologi yang mesra OKU di Mahkamah Syariah. Sebagai contoh, banyak mahkamah masih tidak mempunyai aksesibiliti yang sesuai seperti ramp dan tandas OKU, atau kemudahan teknologi seperti peranti bantuan

pendengaran dan penterjemah bahasa isyarat. Kajian oleh Jamaluddin Mohamad dan Zainudin Ariffin (2019) menunjukkan bahawa kurangnya kemudahan ini menyukarkan OKU untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam prosiding mahkamah dengan selesa dan berkesan. Ketidakadaan kemudahan ini bukan sahaja menyusahkan OKU tetapi juga boleh menyebabkan pelanggaran hak mereka untuk mendapatkan perbicaraan yang adil.

Di samping itu, terdapat juga kekurangan dalam Arahan Amalan yang khusus dan terperinci mengenai bagaimana menangani kes-kes yang melibatkan OKU. Arahan Amalan yang ada mungkin tidak cukup komprehensif atau terperinci untuk menangani semua aspek keperluan khas OKU. Menurut kajian oleh Abdul Rahim Ahmad dan Zaleha Kamarudin (2020), Arahan Amalan yang lebih spesifik dan menyeluruh diperlukan untuk memastikan semua keperluan OKU diambil kira dalam setiap peringkat prosiding mahkamah. Arahan Amalan yang jelas dan terperinci akan membantu pegawai mahkamah memahami dan melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk menyediakan perkhidmatan yang adil dan inklusif kepada OKU.

Sementara itu, Azizah et al. 2022 dalam kajiannya merumuskan bahawa Mahkamah Syariah sebagai institusi keadilan yang mempunyai bidang kuasa terhadap mana-mana orang Islam mengikut negeri-negeri di Malaysia tetapi mempunyai bidang kuasa mendengar kes-kes jika pihak-pihak terdiri dari komuniti OKU sama ada dalam kes mal muh pun jenayah syariah. Undang-undang yang terpakai terhadap mereka juga terdiri dari undang-undang yang sama terpakai di Mahkamah Syariah sama ada undang-undang pentadbiran agama Islam, undang-undang keluarga Islam, undang-undang jenayah syariah, undang-undang tatacara mal Mahkamah Syariah, undang-undang tatacara jenayah syariah dan undang-undang keterangan Mahkamah Syariah. Oleh yang demikian, beberapa aspek berkaitan keperluan khas perlu diambil perhatian oleh Mahkamah Syariah dalam mengendalikan prosiding yang melibatkan OKU pendengaran terutama dari aspek khidmat jurubahasa atau terjemahan semasa pendengaran atau perbicaraan dan aspek keterangan yang boleh menyokong kes.

Oleh yang demikian, artikel ini adalah sebagai satu mekanisma untuk mengenal pasti Arahan Amalan Mahkamah Syariah di Malaysia yang mengambil kira keperluan khas OKU. Artikel ini akan memberikan gambaran awal tentang cabaran yang dihadapi oleh OKU dalam mendapatkan keadilan di Mahkamah Syariah dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang diperlukan. Dengan meneliti dan memperbaiki aspek-aspek ini, sistem perundangan Syariah di Malaysia dapat menjadi lebih inklusif dan adil, memastikan hak setiap individu dilindungi sepenuhnya.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui analisis dokumen. Data kajian dikumpulkan dengan merujuk kepada dokumen rasmi seperti arahan-Arahan Amalan Mahkamah Syariah dan peruntukan undang-undang berkaitan. Rujukan juga dibuat terhadap buku-buku perundangan, artikel dalam jurnal penyelidikan dan laman web berhubung tajuk kajian. Seterusnya, data dianalisis secara analisis kandungan dengan mengeluarkan perincian-perincian secara berfokus daripada sumber dokumen yang ditetapkan bagi mencapai kesimpulan yang menyeluruh.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Orang Kurang Upaya di Malaysia

Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia merujuk kepada individu yang menghadapi kecacatan fizikal, mental, atau sensori yang memberi kesan kepada keupayaan mereka untuk berfungsi secara normal dalam kehidupan harian. Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 mendefinisikan OKU sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat. Manakala, dalam Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022, orang kurang upaya ditafsirkan sebagai "...seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat. Kategori OKU termasuklah mereka dengan kecacatan penglihatan, pendengaran, fizikal, mental, atau yang mengalami gangguan pembelajaran. Setiap kategori memerlukan sokongan dan perkhidmatan yang berbeza berdasarkan kepada jenis kecacatan yang dialami (Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Pindaan 2019).

Secara terperinci, kategori OKU sebagaimana dalam Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Pindaan 2019 adalah sebagaimana berikut:

- i. OKU Pendengaran – *bilateral hearing loss, single sided deafness (SSD)/Profound unilateral hearing loss*/tahap pendengaran sangat teruk, kecacatan telinga kekal/sindrom berkaitan telinga/sindrom berkaitan pendengaran serta lain-lain bentuk kecacatan/ketidakupayaan daya mendengar.
- ii. OKU Penglihatan – keupayaan penglihatan yang terhad di kedua-dua belah mata, buta di kedua-dua belah mata, buta di sebelah mata serta lain-lain bentuk kecacatan/ketidakupayaan daya mendengar.
- iii. OKU Pertuturan – kecelaruan pertuturan dan bahasa/kecelaruan komunikasi kompleks, kecelaruan motor pertuturan, kecelaruan suara, kecelaruan kelancaran pertuturan/kegagapan serta kecelaruan resonan/kesengauan pertuturan.
- iv. OKU Fizikal – *limb* (kehilangan separa atau sepenuhnya mana-mana anggota badan), *spinal cord injury* (kecederaan saraf tunjang akibat trauma/bukan trauma), kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain sebahagian tubuh badan akibat kekurangan oksigen atau pendarahan di dalam otak, kerdiil (*achondroplasia*), *traumatic brain injury* (kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain melibatkan sebahagian tubuh badan akibat kecederaan otak), *celebral palsy* serta lain-lain bentuk/penyakit melibatkan ketidakupayaan fizikal.
- v. OKU Pembelajaran – *global developmental Delay (GDD)*, *sindrom down*, *attention deficit hyperactivity disorder (ADHD)*, autism, kurang upaya intelektual, *dyslexia*, *dyscalculia* serta *dysgraphia*.

vi. OKU Mental – *organic mental disorder* yang serius, *schizophrenia*, *schizotypal* & *delusional disorder*; *mood disorder* dan *severe anxiety disorder*.

vii. OKU pelbagai – mempunyai lebih dari satu jenis ketidakupayaan.

Berdasarkan data rasmi bilangan OKU yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2023, bilangan orang kurang upaya (OKU) semakin meningkat setiap tahun. Dilaporkan pada tahun 2023, kategori ketidakupayaan adalah seramai 637,537 orang berbanding data 2018 iaitu 497,390 orang. Antara bentuk ketidakupayaan yang ada adalah ketidakupayaan penglihatan iaitu seramai 55,240 orang, ketidakupayaan dari segi pendengaran ialah seramai 42,652 orang serta kurang upaya fizikal iaitu seramai 219,218 orang. Selain itu seramai 3,397 orang OKU menghadapi masalah pertuturan, 52,412 orang pula mengalami ketidakupayaan dari segi mental manakala 28,887 orang mengalami lain-lain jenis ketidakupayaan (JKM. 2023)

Masalah utama yang dihadapi oleh OKU di Malaysia termasuk akses terhad kepada pendidikan, pekerjaan, dan perkhidmatan kesihatan yang sesuai dengan keperluan mereka. Selain itu, stigma sosial dan kurangnya kesedaran masyarakat tentang keupayaan OKU juga menjadi cabaran yang signifikan. Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup OKU, termasuk penambahbaikan aksesibiliti, program latihan kemahiran, dan peluang pekerjaan yang lebih inklusif (Abu Bakar, A., & Tan, C. B. (2020). Terdapat pelbagai halangan yang dihadapi oleh golongan OKU yang menghadkan penglibatan diri dan interaksi mereka dalam kehidupan sosial masyarakat. Faktor kekurangupayaan diri memang secara semulajadi menjadi cabaran utam agolongan OKU untuk menyesuaikan diri dalam kehidupan sosial dan ekonomi serta dalam kehidupan peribadi dan pekerjaan. Malangnya kehidupan mereka kadang kala menjadi semakin sukar disebabkan faktor kemiskinan dan diskriminasi yang kadang kala berlaku ke atas sebahagian OKU dalam pelbagai urusan harian mereka (Charmilaa Krishnamoorthi et.al. 2022). Oleh itu, sebarang bentuk kemudahan dan keperluan khas yang disediakan oleh pelbagai pihak sangat penting bagi membantu golongan OKU menjalani kehidupan dan urusan mereka dalam pelbagai aspek.

### **Prosiding Kes-kes Syariah di Mahkamah Syariah**

Mahkamah Syariah di Malaysia berfungsi sebagai institusi kehakiman dan keadilan yang memutuskan pelbagai isu perundungan berkaitan dengan hal ehwal Islam. Bidang kuasanya adalah tertakluk kepada negeri-negeri dan mempunyai kuasa mengendalikan kes-kes mal dan kes jenayah melibatkan orang Islam. Bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam kes-kes mal meliputi kes-kes kekeluargaan di Mahkamah Syariah sama ada kes melibatkan perkahwinan, pembubaran perkahwinan atau kes-kes berkaitan hak-hak yang berbangkit dalam perkahwinan dan selepas perceraian. Manakala, dalam kes-kes jenayah, Mahkamah Syariah berbidang kuasa dalam hal berkaitan kesalahan hanya setakat mana dinyatakan dalam undang-undang Persekutuan iaitu Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlombagaan Persekutuan melibatkan kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu kecuali yang berkaitan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan (Shamrahyu. 2020).

Oleh itu, semua orang Islam sama ada yang normal atau OKU mempunyai hak yang sama rata untuk mengemukakan sebarang tuntutan atau didakwa menurut undang-undang di Mahkamah Syariah. Kecacatan atau kekurangan keupayaan untuk mendengar dalam kalangan golongan OKU tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menerima sebarang pengaduan atau tuntutan

dalam sebarang prosiding di Mahkamah Syariah. Menurut Azizah et al. 2022, liabiliti serta tanggungan kes jenayah atau mal tidak mengecualikan komuniti OKU dalam apa-apa prosiding di Mahkamah Syariah sama ada kes mal atau jenayah atau OKU pendengaran sendiri sebagai saksi mana-mana pihak di mahkamah.

Namun begitu, golongan OKU sering dikaitkan sebagai kelompok yang memiliki pengetahuan rendah tentang soal perundangan dan mempunyai tahap kefahaman yang kurang terhadap laras dan bahasa perundangan. Kekurangan pengetahuan ini termasuk tidak mengetahui hak-hak mereka sama ada sebagai tertuduh, mangsa, ataupun saksi, tidak memahami perjalanan perbicaraan dan prosedur yang telah digariskan, serta kurang pemahaman terhadap istilah-istilah perundangan. Permasalahan ini berlaku kerana golongan OKU sukar mendapat akses kepada maklumat asas perundangan. (Muhammad Ariffin et al. 2021).

Oleh yang demikian bagi memastikan prosiding yang melibatkan OKU pendengaran berjalan dengan lancar dan efektif, pihak mahkamah perlu bersedia menyediakan sebarang keperluan khusus untuk golongan ini melibatkan JBI yang profesional, toleransi kepada sebarang bentuk keterangan lain yang menyokong seperti keterangan dokumen dan keterangan pakar serta menaiktaraf sistem teknologi atau pengurusan secara dalam talian yang lebih mesra OKU pendengaran bagi menjamin keadilan serta memelihara hak golongan tersebut

### **Arahan Amalan Mahkamah Syariah Berkaitan Keperluan Khas OKU**

Arahan Amalan JKSM adalah suatu dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) atau Ketua Hakim Syarie berkaitan prosedur atau polisi yang perlu diikuti dan dipatuhi oleh mahkamah-Mahkamah Syariah di peringkat negeri walaupun tidak berstatus undang-undang. Pemakaian Arahan Amalan adalah penting demi menyeragamkan dan melicinkan urusan pentadbiran kehakiman dan perundangan Syariah di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Arahan Amalan yang telah lama diterima pakai di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN)/Mahkamah Syariah negeri adalah suatu arahan pentadbiran berkaitan perundangan dan kehakiman. Arahan Amalan ini dapat menyelesaikan dan mengatasi banyak isu-isu ketidakseragaman pemakaian undang-undang dan lakuna di dalam pentadbiran kehakiman dan perundangan di Mahkamah Syariah seterusnya menjamin keadilan kepada pihak-pihak. Arahan Amalan sebagaimana dalam laman sesawang rasmi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah didefinisikan sebagai: “Pernyataan-pernyataan bercetak, yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, menunjukkan prosedur yang perlu diikuti dalam hal-hal tertentu atau polisi yang dicadangkan oleh pihak mahkamah dalam kes-kes tertentu tidak seperti peraturan mahkamah. Arahan Amalan adalah bertujuan sebagai satu arahan pentadbiran.” Menurut Zubaidi & Ahmad Hidayat (2022), kedudukan Arahan Amalan di Mahkamah Syariah adalah tidak berstatus undang-undang dan ianya merupakan dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan tertinggi mahkamah berkaitan garis panduan, prosedur, polisi yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dengan mahkamah untuk tujuan penyeragaman pentadbiran dan kehakiman.

JKSM, sebagai penaung institusi Mahkamah Syariah, berperanan untuk menyeragamkan undang-undang Syariah yang melibatkan OKU serta mekanisme perundangan lain seperti Arahan Amalan, garis panduan, dan prosedur operasi standard. Selain itu, JKSM

bertanggungjawab untuk mewujudkan atau menambahbaik tatacara perundangan sedia ada yang meliputi prosiding kes mal dan kes jenayah yang melibatkan OKU (Muhammad Ariffin et al. 2021).

Hasil kajian mendapati bahawa tidak banyak garis panduan atau Arahan Amalan berkaitan OKU, terutamanya dalam pengendalian prosiding kes-kes di Mahkamah Syariah. Beberapa Arahan Amalan yang menggariskan keperluan khas bagi OKU adalah seperti berikut::

- i. Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001: Kod Etika Hakim Syarie  
Kod Etika dalam Mahkamah
  4. Apabila seseorang Hakim Syarie berada dalam Mahkamah dan mendengar sesuatu kes, dia hendaklah –
    - (a) melaksanakan keadilan sebagaimana yang dikehendaki oleh Hukum Syarak;
    - (b) menjalankan tugas mengikut Hukum Syarak dan memberi penghakimannya berdasarkan undang-undang berkaitan;
    - (c) tidak mendengar sesuatu kes apabila dia berkeadaan tidak tenang seumpama dia berkeadaan marah, lapar, haus, mengantuk, letih dan tidak sihat.
    - (d) tidak boleh meninggalkan Mahkamahnya pada waktu pejabat tanpa alasan yang munasabah atau tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada Ketua Hakim Syarie;
    - (e) memberi penghakimannya apabila dia berkeadaan tenang;
    - (f) tidak membicarakan apa-apa kes di mana pihak yang terlibat itu ialah musuhnya atau orang lain yang berkemungkinan akan mempengaruhi tugas kehakimannya sebagai seorang Hakim Syarie;
    - (g) bertindak tegas dan adil dan tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang yang hadir di hadapannya;
    - (h) bersifat terbuka dan sabar semasa mendengar keterangan dan hujah-hujah dari pihak-pihak.;
    - (i) memastikan prosiding di Mahkamah dijalankan dengan teratur menurut peraturan Mahkamah dan mengawal keadaan supaya perbicaraan itu dapat berjalan dengan lancar;
    - (j) menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertelingkahan mereka dan mencapai persetujuan secara sulh dalam kes-kes mal di mana-mana peringkat sebelum dia memberi penghakiman;
    - (k) memuliakan saksi-saksi;
    - (l) memberi layanan sama rata kepada pihak-pihak dan peguam-peguam;
    - (m) mengadakan perbicaraan dalam Mahkamah terbuka kecuali di dalam keadaan khas yang dibenarkan oleh undang-undang;

Kajian oleh Muhammad Ariffin et al. (2021) menegaskan bahawa berdasarkan Arahan Amalan tahun 2001, hakim mempunyai kuasa yang cukup luas untuk menyantuni golongan OKU yang hadir ke mahkamah. Hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil dan layanan yang sama rata bagi golongan OKU adalah lebih utama berdasarkan kod etika ini, meskipun tidak disebut secara jelas atau eksplisit dalam kod etika tersebut. Nilai-nilai keadilan di sebalik kod etika ini, seperti (g) bertindak tegas, adil, serta tidak dipengaruhi oleh keadaan atau orang di hadapannya, (h) bersifat terbuka dan sabar mendengar keterangan, (i) memastikan prosiding berjalan dengan teratur, (k) memuliakan saksi, dan (l) memberikan layanan sama-rata kepada semua pihak, menunjukkan bahawa hakim syarie dan Mahkamah Syariah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan golongan OKU mendapat bantuan komunikasi, prosedur, dan proses undang-undang yang lebih mudah dan sesuai dengan kemampuan fizikal mereka, serta keselesaan infrastruktur

dan kemudahan lain untuk menampung ketidakupayaan mereka semasa perbicaraan (Muhammad Ariffin et al. 2021).

ii. Arahan Amalan No. 8 Tahun 2023

Penggunaan Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah dalam Perbicaraan Kes Mal dan Jenayah bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Kategori Pekak dan Bisu, dan Penterjemah Bertauliah bagi Orang yang Tidak Boleh Bertutur dalam Bahasa Kebangsaan dan terpakai di Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Secara khusus, Arahan Amalan ini terpakai terpakai bagi mana-mana peringkat pengurusan, prosiding kes mal dan jenayah di Mahkamah Syariah yang melibatkan OKU kategori pekak dan bisu, dan pihak-pihak yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Kebangsaan. Arahan Amalan ini menggariskan satu keperluan khas bagi pengendalian kes-kes mal dan jenayah yang melibatkan pihak-pihak OKU. Suatu permohonan hendaklah dibuat untuk mendapatkan kebenaran mahkamah bagi mendapatkan perkhidmatan Jurubahasa Isyarat Bertauliah berdasarkan Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah NegeriNegeri atau Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Jenayah Syariah/ Prosedur Jenayah Syariah Negeri-Negeri bagi membantu golongan OKU yang terlibat dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah.

iii. Arahan Amalan No. 7 Tahun 2023: Keperluan Khas Dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Berstatus Orang Kurang Upaya (OKU)

Arahan Amalan ini adalah berhubung dengan Keperluan Khas Dalam Menentukan Kadar Nafkah Anak Berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) dengan mengambil kira kriteria yang berikut: i. Kategori ketidakupayaan; ii. Nafkah/ perubatan khas/ disiplin perubatan; iii. Kos perubatan awam/ hospital kerajaan/ pusat rehabilitasi/ klinik pakar pediatrik; iv. Kos perubatan persendirian atau swasta; dan v. Keperluan tambahan dan lain-lain keperluan khas yang berkaitan.

iv. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2023: Pemakaian Garis Panduan Penentuan Kelayakan Penjaga Ad Litem Bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan (OTB) Dan Kanak-Kanak Dalam Prosiding Kes Di Mahkamah Syariah.

Arahan Amalan ini mentafsirkan OKU sama seperti yang diperuntukkan dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 manakala “orang tak berkeupayaan” ditafsirkan sebagaimana dalam seksyen 3 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-negeri iaitu: “termasuklah seseorang budak, seseorang tak sempurna akal dan seseorang yang ditegah menguruskan hartanya”. “Tafsiran” kanak-kanak” juga seperti yang ditentukan dalam seksyen 2 Akta kanak-Kanak 2001 iaitu mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun. Sementara “Penjaga ad litem” mempunyai erti yang diberikan kepadaanya di bawah ertiinya seseorang yang dilantik oleh Mahkamah untuk mewakili kepentingan seorang Orang Kurang Upaya (OKU), Orang Tak Berkeupayaan (OTB) dan kanak-kanak dalam perbicaraan tertentu.

Menurut Arahan Amalan ini, ia memperuntukkan satu garis panduan bagi pengendalian kes-kes yang melibatkan penentuan kelayakan penjaga ad litem. Peruntukannya meliputi kelayakan dan

prasyarat, prasyarat tambahan, pelantikan, tugas dan tanggungjawab serta pelaksanaan sebagai penjaga ad litem bagi kanak-kanak tersebut.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian awal terhadap Arahan Amalan Mahkamah Syariah berkaitan keperluan khas bagi Orang Kurang Upaya (OKU) menunjukkan bahawa meskipun terdapat usaha untuk menyertakan elemen inklusif dalam prosiding, masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan. Arahan Amalan yang sedia ada perlu diperhalusi untuk memastikan bahawa semua bentuk halangan, sama ada fizikal, komunikasi, atau psikososial, dapat diatasi dengan efektif. Kajian ini mendapati bahawa walaupun terdapat garis panduan dalam bentuk Arahan Amalan berkaitan keperluan khas OKU dalam prosiding kes-kes di Mahkamah Syariah, namun masih terdapat kekurangan dalam penyediaan kemudahan sokongan dan kesedaran di kalangan pegawai mahkamah tentang hak-hak OKU, yang menyebabkan ketidakadilan dan diskriminasi secara tidak langsung. Dengan mengatasi isu-isu ini, Mahkamah Syariah dapat berfungsi dengan lebih adil dan responsif terhadap keperluan semua lapisan masyarakat, termasuk golongan OKU.

Oleh itu, adalah penting bagi pihak berkuasa dan institusi berkaitan untuk mengambil langkah proaktif dalam memperbaiki Arahan Amalan Mahkamah Syariah. Ini termasuk penyediaan latihan khusus kepada pegawai mahkamah mengenai keperluan dan hak OKU, peningkatan kemudahan fizikal dan teknologi yang mesra OKU, serta perundangan yang lebih tegas untuk memastikan kepatuhan terhadap arahan tersebut. Dengan adanya komitmen yang kukuh dan tindakan yang konkret, sistem perundangan Syariah di Malaysia dapat menjadi lebih inklusif dan adil, memastikan bahawa setiap individu, tanpa mengira kekurangan mereka, berpeluang mendapatkan keadilan yang sewajarnya.

## PENGHARGAAN

Pihak kumpulan penyelidik kajian ini ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi di atas anugerah Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) bagi tahun 2021 hingga 2023 yang diberikan dan penajaan sumber kewangan kepada kajian kami bertajuk “Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Mesra OKU Sebagai Sistem Sokongan Pengukuhan Institusi Kekeluargaan Islam”.

## RUJUKAN

- A. Aziz, S. 2020. Pengukuhan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Melalui Pindaan Akta 355: Antara Harapan dan Realiti dalam Mohamed Adil, M.A, Buang, A.H, Abdullah, A. B. *Mahkamah Syariah di Malaysia: Menelusuri Cabaran Melestari Hadapan*. Penerbit UiTM Press: Shah Alam

- Ahmad, A.R. & Kamarudin, Z. (2020). Arahan Amalan Mahkamah Syariah dan Keperluan Khas OKU: Satu Kajian. *Journal of Islamic Law Review*, 16(1), 102-115.
- Abu Bakar, A., & Tan, C. B. (2020). Challenges faced by persons with disabilities in Malaysia: A critical review. *Journal of Social Issues and Policy Review*, 5(2), 87-102.
- Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008.
- Akta Kanak-kanak 2001.
- Arahan Amalan No. 9 Tahun 2001
- Arahan Amalan No. 6 Tahun 2023
- Arahan Amalan No. 7 Tahun 2023
- Arahan Amalan No. 8 Tahun 2023
- Asnorhidayah Ahmad, & Nor Hidayah Ibrahim. (2018). Kesedaran dan Pemahaman Pegawai Mahkamah Syariah Terhadap Keperluan Khas OKU. *Jurnal Pengajian Islam*, 5(2), 67-80.
- Mohd Rapini, A., Mohd Khalil, N. D., Dimon, Z., Bahari, N., Solehuddin, N. & Muhammad Hashim, N. 2022. Golongan Orang Kelainan Upaya (Oku) Pendengaran Di Mahkamah Syariah: Tinjauan Terhadap Prosiding Berkeperluan Khas. E-proceeding 6 th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022 (6th MFIFC 2022).
- Garis Panduan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) Pindaan 2019.
- Mohamad, J. Ariffin, Z. 2019. Kemudahan Fizikal dan Teknologi di Mahkamah Syariah untuk OKU. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 12(4), 453-468.
- Krishnamoorthi, C., Mohd Shariff, A. A., Yahya, M. A., & Zairiasdi, M. M. A. (2022). Adakah Penyediaan Kemudahan Awam untuk Orang Kurang Upaya di Malaysia Mencukupi? Satu Tinjauan Sosio-Perundangan Ringkas: Does Provision of Public Facilities for the Disabled in Malaysia Sufficient? A Brief Socio-Legal Overview. *Journal of Muwafaqat*, 5(2), 73–84. <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v5i2.125>
- Surdi Roslan, M. A, Hashim, H. & Ab Rahman, A., Muhammad Ariffin Surdi Roslan i , Hasnizam Hashim ii, Azman Ab Rahman. 2021. Perbicaraan Orang Kurang Upaya (Oku): Analisis Peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah Malaysia. E-Prosing Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains.

Portal Rasmi	Jabatan	Kebajikan	Masyarakat.
<a href="https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTRAAN%20OKU%2031012023%20(2).pdf">https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/STATISTIK%20PENDAFTRAAN%20OKU%2031012023%20(2).pdf</a> . Retrieved pada 16 Julai 2024.			
Sulaiman, Z., Buang, A.H. 2022. Analisis Pemakaian Arahan Amalan Di Mahkamah Syariah Menurut Perspektif Hukum Syarak. <i>Journal of Shariah Law Research</i> (2022) vol. 7 (1) 107-128			
Roslan, M. A., Hashim, H., Baharuddin, A. S., & Rahman, A. A. (2021). Analisis literatur tentang tatacara perbicaraan jenayah syariah bagi orang kurang upaya di Mahkamah Syariah. <i>UUM Journal of Legal Studies</i> , 12(1), 247-271. <a href="https://doi.org/10.32890/uumjls2021.12.1.11">https://doi.org/10.32890/uumjls2021.12.1.11</a>			